

Tabligh: Amanah Rasulullah

Rasulullah (S.A.W.) pernah bersabda: “*Balighū ‘annī walaw āyah*” yang bererti: “Sampaikanlah pertunjuk agamaku walau satu ayat.” Maka dari sepotong hadith

Nabi yang pendek ini dapatlah kita memahami akan amanah baginda Rasulullah (S.A.W.) itu kepada umatnya supaya sama-sama memberi khidmat mengembangkan agama Islam yang suci kepada seluruh alam manusia segala zaman. Amanah

Rasulullah (S.A.W.) ini telah disambut oleh umat Islam dari zaman ke zaman di mana sahaja mereka berada di pelosok dunia ini. Buktiya boleh dikatakan tiap-tiap negara Islam atau yang berpenduduk Islam telah menubuhkan markas mubaligh Islam seperti India, Pakistan, Indonesia dan tidak ketinggalan juga negara kita

Persekutuan Tanah Melayu. Maju mundur, cergas lembabnya pergerakan mubaligh di negara masing-masing itu terpulang kepada pengaruh dan pemimpin-pemimpin serta alim ulama yang bertanggungjawab dalam lapangan tabligh ini.

atau pentingnya lapangan ini wujud dengan cergas dan maju

di negara-negara Islam kita atau pun apa pula perlunya



Al-Hāfiẓ Mawlana Fazlul al-Rahman al-Ansari mubaligh

Kecergasan Pelajar-Pelajar Islam

Saya tidak hendak membahas dari segi faedah

Islam Pakistan yang tidak putus-putus menjelajah dunia

untuk mengembangkan ajaran Islam dan falsafahnya.

dari kaca mata pandangan Islam, biarlah saya kembali kepada pokok tulisan saya di atas. Satu pandangan yang jelas dapat saya saksikan tentang pergerakan mubaligh Islam ini di India, yang mendapat sambutan istimewa dari segenap peringkat umat Islam di sini tidaklah jua ketinggalan dari kalangan pelajar-pelajar Islamnya sama ada mereka belajar di universiti-universiti Inggeris lebih-lebih lagi dari universiti-universiti Islam dan madrasah-madrasah agama yang bertaburan di seluruh India ini.

Kita selalu menemui rombongan-rombongan mahasiswa atau pelajar-pelajar dalam masa cuti. Mereka menggunakan waktu cuti mereka untuk mengembangkan dan memberikan

Cita-cita dan perjuangan kami

Tiap-tiap pengikut Islam saudara kami

Negara mereka negara kami

Perjuangan mereka perjuangan kami

Penderitaan mereka penderitaan kami

Kebahagiaan mereka kebahagiaan kami

Kerelaan Allah ideologi kami

Al-Qur'ān perlembagaan hidup kami

Nabi Muhammad (S.A.W.) pemimpin kami

Berjuang terus menerus jalan kami

Mati syuhada' cita-cita suci kami.

A. M. Nawawi

Pulau Pinang

pengertian agamanya kepada orang-orang awam di bandar dan di desa mereka itu menjelajah dari satu masjid ke satunya masjid, dari satu kampung ke satunya kampung, memberi syarahan agama demi kepentingan dan kemurnian Islam di negaranya. Rombongan pelajar-pelajar itu yang selalu kita temui ialah di antara tiga – tujuh orang.

Rombongan yang seperti itu ialah rombongan-rombongan pertubuhan mubaligh yang telah ditubuhkan oleh mereka di universiti-universiti dan di madrasah-madrasah mereka secara bersendirian. Namun begitu mereka membuat perhubungan yang rapat dengan pusat mubaligh seluruh India yang berpusat di Nizamuddin Auliya, Delhi, untuk melicinkan pergerakan mereka dalam lapangan ini. Ada juga golongan pelajar-pelajar yang ikut serta dalam rombongan mubaligh dari markas Nizamuddin Auliya itu. Kebanyakkannya pelajar-pelajar yang ikut dan menceburkan diri dalam gerakan mubaligh ini ialah pelajar-pelajar yang telah luas di mana-mana universiti dengan mendapat *degree*.

Dipelopori oleh alim ulama;

Sebagaimana yang saya ketahui bahawa sebelum pelajar-pelajar itu keluar menjadi seorang mubaligh Islam maka mereka terlebih dahulu terlatih mendapat kursus yang munasabah dari ketua-ketua mereka atau dari orang-orang yang berpengalaman dalam hal ini supaya cara-cara penerangan yang akan diberi kepada orang-orang awam kelak sesuai mengikuti ilmu jiwa dan masyarakatnya.

Lahirnya amalan baik yang telah dipelopori oleh

pelajar-pelajar Islam India di lapangan tabligh ini ialah dari rintisan yang dilakukan oleh alim ulama India yang penuh tanggungjawab terhadap agamanya dan yang telah bersungguh-sungguh memberi khidmatnya kepada umat Islam India, untuk kepentingan dan kemurniaan Islam. Usaha yang tulus ikhlas itu telah dikuti oleh umat Islam di sini dari segenap peringkat.

Pelajar-pelajar kita di Tanah Melayu

Sebenarnya tanggungjawab untuk perkembangan Islam tidaklah terhad kepada satu-satu golongan, dan bukan pula hanya terserah bulat-bulat kepada segelintir manusia. Tetapi sama-sama ditanggung oleh segala peringkat umat Islam tidak kira lelaki atau perempuan, tua dan muda.

Lebih-lebih lagi mesti dikendalikan oleh kaum yang terpelajar. Kaum-kaum terpelajar di tanah air kita Tanah Melayu patutlah mengambil contoh dari apa yang dilakukan oleh pelajar-pelajar Islam di India itu. Kita di Tanah Melayu sangat kurang tentang pergerakan tabligh ini, lebih-lebih lagi di kalangan pelajar-pelajar memandangkan bahawa Tanah Melayu telah merdeka dan Islam telah dijadikan agama rasmi negara, maka jalan-jalan untuk menuju ketinggian agama Islam di tanah air kita bukanlah terserah bulat-bulat kepada kewajipan pemerintah semata-mata, tetapi tanggungjawab dalam menuju kemajuan dan kebangkitan



Fadīlat as-Shaykh Ibrahim Naisse, seorang mubaligh

Islam yang masyhur di Afrika. Baca kisah perjuangan

menentang penjajah dan boneka-boneka penjajah dalam makalah

“Islam dan Umat Islam” di muka 14 keluaran ini.

Islam mestilah dipikul dan dipelopori sama-sama oleh tiap-tiap seorang dari umat Islam tanah air, dari golongan alim ulamanya sampailah kepada golongan pelajar-pelajar Islam seluruhnya. Mudah-mudahan dengan adanya kerjasama dari kaum terpelajar dalam lapangan tabligh ini kemajuan Islam dan kemurniannya akan wujud dengan megahnya.

Awas penyiar agama Kristian

Pada saat akhir-akhir ini, kita dapati bagaimana cergasnya *missionary* atau penyiar propaganda-propaganda Kristian bergerak dengan sewenang-wenangnya di seluruh pelosok negara kita. Dahulu kita tidak mendengar berita-berita menyatakan penyiar Kristian masuk ke kampung-kampung Melayu, tetapi sekarang risalah-risalah pengembang agama Kristian itu telah bertaburan di merata-merata tempat.

Pergerakan yang marabahaya kepada kepercayaan umat Islam ini akan berjaya mengkristiankan orang-orang Melayu jika

sekiranya tidak disedari oleh umat Islam kita.

Kesedaran yang semata-mata kesedaran tidaklah bererti sama sekali jika sekiranya tidak disertai dengan amalan dan usaha yang berkesan. Tiap-tiap seorang dari kalangan umat Islam kita di Tanah Melayu mestilah segera bertindak dan melayakkan diri menjadi seorang pejuang membela dan mempertahankan kemurnian Islam serta penuh tanggungjawab terhadap agamanya yang dikasihi dan disanjung tinggi!



Penduduk Kampung Kelola Jerantut, Pahang bergambar ramai untuk kenangan. Duduk nombor 4 dari kiri

ialah: 1. Abdu; Rahman (Penghulu), nombor 6 H al-Kalawī (Ikhwan: 600). Manakala

kiri ialah Tuan Khatib Long.